

# Pahang sedia tambah lebih banyak estet ikan

BH 2/7/2022 Ms: 18

**Maran:** Jabatan Perikanan Pahang sedia menambah lebih banyak estet ikan di negeri ini sekiranya terdapat kawasan sesuai serta mendapat permintaan komuniti setempat.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar, berkata kini terdapat tujuh estet ikan aktif masing-masing satu di Maran, dua di Lipis dan empat di Temerloh yang mampu menyediakan sumber makanan berupa pelbagai spesies ikan air tawar berkualiti.

Beliau berkata, empat estet ikan yang terletak di Temerloh adalah Estet Paya Chempaka seluas 15 hektar, Estet Paya Lanar (25 hektar), Estet Ikan Lubuk Kawah (31 hektar) dan Estet Ikan Kelanau-Bangau Tanjung (50 hektar).

“Dua estet ikan di Lipis iaitu Kampung Lalang seluas tiga hektar dan Estet Ikan Empangan Paya Tepual, Kampung Keledak (empat hektar) serta Estet Ikan Kuala Wau, Maran (40 hektar).

“Estet ikan dapat menjadi pusat pemuliharaan dan menam-



*Peserta Pesta Menjala Ikan Air Tawar Memburu Si Baduk, di Estet Ikan Kuala Wau, Maran.*  
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

bah simpanan ikan air tawar selain menjadi lokasi agropelancongan yang semakin diminati.

“Ia turut menyediakan sumber makanan terutama kepada mereka yang menggemari pelbagai spesies ikan air tawar,” katanya mengulas kejayaan penganjuran Pesta Menjala Ikan Air Tawar Memburu Si Baduk di Estet Ikan Kuala Wau, di si-

ni semalam.

Pesta kali pertama diadakan itu menarik penyertaan lebih 1,000 peserta tempatan dan luar Pahang memabitkan aktiviti menangkap pelbagai spesies ikan air tawar menggunakan jala.

Abdullah berkata, Estet Ikan Kuala Wau seluas 40 hektar sebelum ini adalah kawasan sawah padi terbiar milik lebih 40 pe-

sawah sebelum dijadikan estet ikan pada 2019 secara kerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Kuala Wau.

Katanya, dalam tempoh 2019 hingga 2020 lalu, jabatan itu sudah melepaskan 326,500 benih ikan spesies lampam sungai, kerai, jelawat, terbul, puyu dan temelian.

Sementara itu, Pengerusi JPKK Kampung Kuala Wau, Mohd Zurin Md Jais, berkata pihaknya berpuas hati dengan sambutan yang diterima dengan terdapat peserta yang datang lebih awal dan bermalam untuk melihat lokasi lubuk ikan berkumpul.

“Kita bercadang menjadikan pesta menjala ini sebagai acara tetap setiap dua tahun dan dalam tempoh itu ikan yang dilepaskan mampu mencapai saiz memuaskan.

“Program tradisional ini juga menjadi produk pelancongan di Kampung Kuala Wau,” katanya.